

26 NOV 1996

Parlimen-Gulung

LESEN BARU AGENSI PELANCONGAN DIBEKUKAN DI ENAM BANDAR

KUALA LUMPUR, 26 Nov (Bernama) -- Lesen baru agensi pelancongan dan pengembaraan di enam bandar utama dibekukan kerana kerajaan berpendapat bandar-bandar itu mempunyai jumlah agensi yang mencukupi.

Bandar-bandar itu ialah Johor Baharu, Pulau Pinang, Kuala Lumpur, Ipoh, Kota Kinabalu dan Kuching, kata Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Mohamed Noh Rajab ketika menggulung perbahasan mengenai perbelanjaan kementerian itu di Dewan Rakyat hari ini.

Katanya pembekuan itu adalah juga untuk mengurangkan saingan antara agensi-agensi pelancongan kerana itu boleh melemahkan industri ketiga pentingnya di negara ini.

Bagaimanapun, kerajaan akan memberi pertimbangan berdasarkan kes bagi sebarang permohonan agensi pelancongan yang dibatalkan pendaftaran mereka kerana tidak aktif.

Buat masa ini, sebanyak 2,290 lesen agensi pelancongan dan pengembaraan telah dikeluarkan.

Mohamed Noh berkata kerajaan turut membeku permohonan baru agensi pelancongan dan pengembaraan yang mengendalikan pelancongan ke luar negeri bagi mengawal pengaliran wang ke luar negara.

Beliau juga memberitahi dewan bahawa sejak 1992 sebanyak RM550,000 telah dibelanjakan bagi memulihara rumah kelahiran Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Seberang Perak, Kedah.

Kerajaan juga telah memperuntukkan RM16.826 juta bagi 11 projek pelancongan di Johor kerana negeri itu sebagai pintu masuk utama di selatan Semenanjung Malaysia mempunyai potensi untuk memikat pelancong.

Projek-projek itu akan dimulakan mulai tahun depan.

Mengenai teguran Dr Nungsari Ahmad Radhi (BN-Balik Pulau) kononnya perhatian kurang diberi kepada kajian mengenai budaya dan seni bangsa, Mohamed Noh berkata kementerian sedang membuat kajian mengenai lebih 30 jenis permainan rakyat.

Kajian itu akan dibukukan, katanya.

Rang Undang-Undang Perbekalan 1997 bagi kementerian itu diluluskan. --

BERNAMA

WNZ MAI